

18 JUN 2003

Umno-Pemerhati

PEMERHATI ASING HASRAT KERJASAMA LEBIH BAIK DGN UMNO

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Para pemerhati asing ke Perhimpunan Agung Umno melahirkan harapan agar parti masing-masing dapat menjalin kerjasama lebih baik dengan Umno serta berhasrat supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat terus menerajui parti lebih lama lagi.

Timbalan setiausaha agung Badan Eksekutif Pusat Parti Golkar Indonesia Dr Bomer Pasaribu berkata beliau yakin parti Golkar dapat mengulangi kejayaannya sekali lagi pada pilihan raya akan datang dengan mengambil contoh daripada keutuhan parti Umno.

Beliau memberitahu Bernama bahawa kekuatan Umno bergantung kepada empat perkara.

"Pertama, parti Umno bisa bertahan lama disebabkan sistem pengurusan organisasinya yang canggih serta rejuenasinya yang agak teratur.

"Kedua, ideologi kebangsaan Umno yang tidak terlalu ekstrem, ketiga, sayap Pemuda dan Wanitanya yang kuat termasuk akar-umbinya yang kukuh serta akhir sekali, program-program jangka panjang atau jangka pendeknya yang bervisi dan fleksibel," kata beliau.

Dengan menyulami tradisi persahabatan yang sangat lama dengan Umno serta mempelajari bagaimana Umno menjadi begitu kuat dan stabil, beliau yakin parti Golkar dapat memperkukuhkan kedudukannya semula.

Beliau turut yakin bahawa sistem rejuvenasi yang teratur menyebabkan tiada kejutan akan berlaku berikutan persaraan Dr Mahathir dan Umno masih dapat bergerak dengan lancar.

Namun begitu Dr Bomer mengharapkan agar Dr Mahathir dapat meneruskan lagi kepimpinan beliau untuk satu atau dua tahun lagi kerana ASEAN sudah kehilangan ramai pemimpin "senior".

Sementara itu, Dr Hassan Gharauree dari Islamic Coalition Society (ICS), Iran berharap agar Dr Mahathir menimbangkan semula peletakan jawatannya memandangkan Perdana Menteri telah banyak berjasa kepada Malaysia dan ianya boleh dicontohi oleh negara Islam yang lain.

"Malaysia sudah banyak membangun dan negara Islam yang lain meletakkan harapan yang tinggi (terhadap Malaysia). Saya tidak nampak kenapa beliau (Dr Mahathir) tidak dapat meneruskan khidmatnya atas nama Islam," kata beliau.

Gharauree berkata ICS, parti politik tertua di Iran yang diundang buat kali kedua ke perhimpunan agung itu juga berharap untuk menjalin hubungan lebih erat dengan Umno.

-- BERNAMA  
SHO KHY ROS